

MENENGAH 3 EXP/NA

LATIHAN TOPIKAL 4

PERIBAHASA

Peribahasa	Markah Penuh	Markah Yang diperolehi	Tarikh
Latihan 1	10		
Latihan 2	10		
Latihan 3	10		
Latihan 4	10		
Latihan 5	10		

PERHATIAN: Senarai peribahasa di halaman sebelah untuk rujukan.

Senarai Peribahasa Menengah 3

	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	air yang dingin juga yang dapat memadamkan api	perkataan yang lembut juga yang dapat mendinginkan hati orang yang sedang marah
2.	belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang	cerdik dan rajin
3.	baik membawa resmi ayam betina	seseorang itu hendaklah selalu merendah diri dalam tutur kata dan perbuatan supaya tidak dibenci oleh orang lain dan selamat dalam hidup
4.	berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul	sesusah-susah orang yang melihat penderitaan seseorang itu tentulah tidak sama dengan penanggungan orang yang menderita itu sendiri
5.	besar kapal, besar gelombang	makin tinggi pangkat atau makin besar perniagaannya, maka makin besar pula tanggungjawabnya
6.	biduk lalu kiambang bertaut	lebih baik jangan dicampuri perselisihan orang yang bersanak saudara kerana akhirnya mereka akan berbaik semula
7.	hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah	• pembahagian yang sama rata dan adil • sama-sama menikmati kesenangan dan kesusahan
8.	hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri	walaupun bagaimana mewah atau makmur sekalipun negeri orang, negeri sendiri juga yang lebih baik
9.	jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya	tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih
10.	jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya	orang besar atau mulia tidak akan hilang martabatnya jika ia merendahkan dirinya sekalipun

11.	kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga	jika ilmu atau kebolehan kita sedikit, janganlah kita cuba melawan orang atau berbuat sesuatu yang besar
12.	kilat di dalam kilau, kabus di dalam hujan	dalam percakapan atau tingkah laku seseorang, terkandung kemahuannya
13.	melentur buluh biarlah dari rebung	mengajar atau mendidik anak biarlah daripada kecilnya kerana apabila telah besar, keras hatinya dan perangnya susah dibentuk
14.	membuang garam ke laut	membuat sesuatu yang tidak memberikan faedah
15.	meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga	• seseorang yang berbudi baik itu sekali pun dalam melarat tetap berbudi dan berhati mulia • meskipun kebenaran itu belum terang, lambat laun akan menjadi kenyataan juga
16.	nasi tak dingin pinggan tak retak	orang yang cermat membuat pekerjaannya, walaupun banyak kerja jarang yang rosak
17.	pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar	menggunakan masa dengan sebaik-baiknya
18.	pelepah bawah luruh, pelepah atas jangan gelak	tiap-tiap yang bernyawa akan mati juga sudahnya, baik tua, muda ataupun anak-anak kecil
19.	sebab buah dikenal pohonnya	daripada tingkah laku seseorang itu kita dapat mengetahui atau mengenali watak dan asal seseorang
20.	seperti harimau menyembunyikan kukunya	orang yang bijaksana tetapi menyembunyikan pengetahuan dan kebolehannya
21.	seperti labah-labah cinta kepada telurnya	perihal kasih sayang yang mendalam sekali dan sukar diceraikan

LATIHAN 1

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
- (B) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
- (C) bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi
- (D) lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya
- (E) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
- (F) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (G) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
- (H) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Di bazar Hari Raya setiap tahun, gerai-gerai di Geylang Serai akan menjual pakaian yang bercorak agak sama. Sungguhpun begitu, ramai yang tetap membelinya kerana sifatnya yang ____ (1) _____. Encik Ali sudah lama menjaja di bazar Geylang. Sejak di sekolah rendah lagi, dia selalu menemani ayahnya berjaja - kadangkala ke seberang tambak di Johor.

Walaupun Singapura dan Malaysia berjiran, masih terdapat sedikit perbezaan budaya bak pepatah ____ (2) _____. Sebagai contoh, orang Johor lebih suka pakaian yang mempunyai lebih banyak motif manakala orang Singapura pula lebih suka pakaian yang bercorak moden.

Perniagaan mereka tidak selalunya mendatangkan keuntungan. Bagaikan ____ (3) ____ kadangkala para peniaga membuat keputusan yang salah sehingga menyebabkan mereka mengalami kerugian terutamanya pada musim hujan di mana tidak ramai pelanggan yang akan mengunjungi bazar. Pada musim seumpama itu, arwah ayahnya akan memanfaatkan masa yang lapang untuk menjahit baju. Oleh kerana sikapnya yang suka ____ (4) _____, dia mempunyai banyak baju untuk dijual apabila menjelang musim perayaan.

Meskipun sibuk dengan pekerjaan sekolahnya, Ali akan tetap membantu ayahnya. Dia tahu sekiranya perniagaan ayahnya terjejas, dia juga akan ditimpa kesusahan bak pepatah ____ (5) _____. Ali juga suka membantu ayahnya kerana dia tidak ingin ayahnya menanggung segala kesusahan seorang diri.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()

LATIHAN 2

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
- (B) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
- (C) bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi
- (D) lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya
- (E) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh dapat sagunya
- (F) kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga
- (G) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
- (H) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Melati seorang pengawas yang jujur dan amanah. Disebabkan itu, rakan-rakannya tidak ragu-ragu untuk menugaskannya dengan perkara-perkara penting. Bak pepatah orang ____ (1) ____.

Pernah sekali, Melati terpaksa menjadi pengantara dalam satu perkelahian di sekolah. Melati bagaimanapun tidak terburu-buru untuk memutuskan siapa yang bersalah. Dia percaya ____ (2) _____. Oleh itu, dia menyiasat kejadian yang berlaku dengan teliti dan mendengar pernyataan daripada kedua-dua belah pihak. Dia menasihati kedua-dua sahabat yang bergaduh itu bahawa ____ (3) _____. Setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan.

Pada musim cuti sekolah, Melati mengetuai pasukannya dalam program pengayaan ke Surabaya. Semasa program itu, dia sering mengingatkan anggota pasukannya tentang perbezaan budaya orang Melayu Indonesia. Maklumlah, ____ (4) ____.

Kata Melati, setiap pelajar harus menjaga tata tertib kerana ____ (5) _____. Setiap perbuatan buruk, meskipun dilakukan oleh hanya seorang pelajar, akan menjejaskan nama buruk seluruh sekolah.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()

LATIHAN 3

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
- (B) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
- (C) bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi
- (D) lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya
- (E) jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- (F) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
- (G) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
- (H) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Faizah dan Dania ialah sahabat baik di sekolah. Jika diberi peluang, mereka selalu memilih untuk bekerjasama bagi projek-projek sekolah yang harus diselesaikan. Untuk projek Bahasa Melayu, mereka telah memilih untuk membuat pembentangan tentang P. Ramlee kerana pada mereka, beliau ialah seseorang yang ____ (1) _____. Buktinya, walaupun beliau sudah lama meninggal dunia, beliau masih tetap dikenang dan diminati sepanjang masa. Faizah dan Dania telah bercadang untuk menuju ke perpustakaan untuk mencari buku-buku rujukan. Sementara menunggu Dania tiba, Faizah melungsur Internet untuk mencari maklumat penting. Maklumlah, Faizah amat suka ____ (2) _____. Malangnya, setelah menunggu berjam-jam di perpustakaan, Dania masih belum muncul lagi. Apabila Faizah menghubungi Dania, Dania hanya meminta maaf kerana dia tidak dapat meneruskan rancangan mereka untuk membuat kajian bersama-sama. Faizah berasa amat marah kerana Faizah telah memungkiri janji. Pada Faizah, seharusnya ____ (3) _____. Apabila Faizah menelefon ibunya, ibunya juga berasa kesal. Ibarat ____ (4) _____, apabila anaknya disakiti, dia juga berasa marah. Namun, ibu Faizah menasihatinya agar memaafkan Dania kerana ____ (5) _____. Faizah akhirnya bertenang kerana memang benar kata ibunya, manusia tidak sunyi daripada melakukan kesilapan. Mujurlah tarikh penghantaran projek tersebut masih lama lagi.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()

LATIHAN 4

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
- (B) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
- (C) bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi
- (D) lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya
- (E) jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- (F) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh dapat sagunya
- (G) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (H) kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga
- (I) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
- (J) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Dr Radiah ialah seorang yang arif. Setiap kali sebelum bertemu pesakit yang baharu, beliau rajin mengkaji latar belakang mereka dan cuba mencari huraian terlebih dahulu. Disebabkan sikapnya yang _____ (1) _____, rawatan-rawatan yang ditawarkannya lebih berhasil.

Beliau tidak akan mengendalikan kes di luar kemampuannya kerana beliau tahu _____ (2) _____. Beliau jujur dan hanya akan mengambil bayaran daripada pesakit yang beliau boleh bantu. Bukan itu sahaja, Dr Radiah amat disukai para pesakitnya kerana dia selalu rendah diri dan tidak sombong apabila bercakap dengan sesiapa pun. Dr Radiah berpegang kepada prinsip _____ (3) _____.

Setiap kali mengendalikan sesuatu kes, Dr Radiah akan memastikan maklumat sulit para pesakitnya dipelihara. Oleh kerana beliau beramanah, ramai pesakit tidak keberatan untuk berkongsi masalah peribadi mereka kerana mereka percaya ia tidak akan dibocorkan. Mereka mempercayainya seperti _____ (4) _____.

Meskipun Dr Radiah amat berpengalaman, beliau memerlukan kerjasama daripada para pesakitnya sekiranya mereka betul-betul ingin pulih. Bak pepatah _____ (5) _____. Para pesakitnya haruslah berusaha mendengar nasihatnya agar dapat cepat sembuh.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()

LATIHAN 5

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
- (B) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
- (C) bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi
- (D) lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya
- (E) jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- (F) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh dapat sagunya
- (G) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
- (H) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (I) kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga
- (J) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya

Bayu ialah seorang peguam yang tersohor di Indonesia. Dia diibaratkan seperti _____ (1) _____ kerana dia bukan sahaja cerdik malah juga rajin. Semua undang-undang Indonesia telah dihafal olehnya. Pada Disember yang lalu, dia telah melancong ke Singapura buat kali pertama. Oleh kerana cuaca amat panas, Bayu minum air semasa di kereta api. Alangkah terperanjatnya dia apabila seorang pegawai memarahinya. Bayu amat marah lalu menjerit bahawa dia seorang peguam yang terkenal dan dia tahu apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Itulah Bayu, seseorang yang selalu sombong dan suka bermegah. Dia tidak pernah mendengar nasihat ibu bapanya bahawa _____ (2) _____. Oleh kerana keadaan telah menjadi lebih tegang, Bayu dipaksa keluar dari gerabak kereta api lalu dibawa ke pejabat. Di sana, Bayu telah dihulurkan surat saman kerana melanggar undang-undang negara. Pada ketika itulah dia menyedari bahawa di negara yang berbeza, tentu cara pemerintahan dan undang-undangnya berbeza. Benarlah kata orang, _____ (3) _____. Bayu juga malu kerana dia telah cuba melawan kata-kata pegawai yang lebih tahu akan undang-undang negara Singapura berbanding dirinya. Sepatutnya, Bayu sedar akan hakikat bahawa _____ (4) _____. Akhirnya, Bayu meminta maaf kerana telah membuat kesilapan. Dia berjanji bahawa dia tidak akan mengulangnya lagi. Yang pasti, Bayu tentu tidak akan memungkiri janjinya kerana Bayu berpegang teguh pada prinsipnya bahawa _____ (5) _____. Sememangnya, itu merupakan percutian yang tidak akan Bayu lupakan.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()